

Jurutera dera anjing kena sebulan, denda RM5,000

➔ Mengaku salah zalimi haiwan peliharaan baka Pomeranian Ogos lalu

Oleh Siti Nurazlinee Azmi
sitinurazlinee@bh.com.my

✦ Petaling Jaya

Seorang jurutera teknologi maklumat yang mengaku salah mendera seekor anjing betina miliknya dihukum penjara sebulan dan didenda RM5,000 oleh Mahkamah Majistret, semalam.

Hukuman itu diputuskan Majistret Mohd Azali Ibrahim terhadap Loo Kah Ann, 28, yang didakwa mendatangkan kezaliman terhadap anjing haiwan

baka Pomeranian pada Ogos tahun lalu.

Mohd Azali turut memerintahkan tertuduh dipenjarakan lima bulan sekiranya gagal membayar denda, selain memerintahkan supaya haiwan terbabit diserahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

Bertindak zalim

Mengikut kertas pertuduhan, dia didakwa bertindak zalim dengan cara mendera dan menyakiti seekor anjing betina berwarna krim sehingga mendatangkan kesakitan dan penderitaan terhadap anjing itu.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di Blok C23-13A, Empire Damansara, Damansara Perdana, di sini, jam 8.30 malam, pada 17 Ogos 2016.

Pendakwaan kes dibuat mengikut Seksyen 44 (1)(a) Akta Binatang 1953 (Akta 647)(2006) dan dibaca bersama Akta Binatang (Pindaan) 2013 (Akta A1452) dan boleh dihukum di bawah akta sama yang mem-



Saya terlalu marah dan tidak dapat mengawal emosi bila ia (anjing) membuang air kecil dan besar merata-rata"

Loo Kah Ann,
Tertuduh

peruntukkan hukuman denda maksimum RM50,000 atau penjara setahun atau kedua-duanya.

Terdahulu, Pegawai Pendakwa Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Mohd Faiz Ajis memohon mahkamah menjatuhkan hukuman berat yang setimpal dengan perbuatan menzalimi binatang peliharaannya.

Tertuduh yang tidak diwakili peguam merayu supaya dikenakan hukuman ringan atas alasan dia menyayangi haiwan peliharaannya itu.

"Saya terlalu marah dan tidak dapat mengawal emosi bila ia (anjing) membuang air kecil dan besar merata-rata," katanya.

Mengikut fakta kes, tertuduh membawa haiwan peliharaannya itu ke klinik veterinar di sini untuk mendapatkan rawatan.

Bagaimanapun, pihak klinik membuat aduan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar bahawa terdapat seekor anjing yang dizalimi sehingga cedera.